

## *Laman Web WIX dalam Pembelajaran Penulisan*

**Abdul Matiin Kassim**

Abdul\_Matiin\_Kassim@schools.gov.sg

**Sekolah Menengah Changkat Changi**

### *Abstrak*

Dalam kajian ini, laman web WIX yang direka oleh guru diperkenalkan kepada pelajar selepas pemutus rangkaian jangkitan untuk merungkap kembali pelajaran-pelajaran yang berlangsung dalam portal SLS. Beberapa komponen pelajaran Bahasa Melayu seperti lisan, penulisan e-mel dan karangan telah disertakan dalam laman web WIX tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melalui penggunaan laman web WIX, pelajar dapat memahami pembelajaran dalam talian dengan lebih berkesan. Wadah ini membantu pelajar untuk mengulang kaji pelajaran Bahasa Melayu secara berdikari dengan lebih efektif.

Kata Kunci: laman WIX, kemahiran lisan, penulisan e-mel dan karangan



## PENGENALAN

Kajian ini dijalankan secara pembelajaran dalam talian semasa pemutus rangkaian bersama pelajar Menengah 1 aliran Normal Akademik (NA). Dalam kelas tersebut terdapat 26 orang pelajar yang memiliki telefon bijak yang memudahkan mereka untuk melungsur laman web WIX untuk mengakses pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian. Namun begitu, terdapat 2 orang pelajar yang tidak memiliki telefon bijak dan mereka menggunakan komputer riba agar dapat memanfaatkan laman web WIX yang disediakan guru untuk pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian. Terdahulu daripada itu, para pelajar tersebut telah mengikuti pelajaran penulisan karangan naratif menerusi portal SLS. Guru mendapati 46% pelajar menghadapi kesukaran untuk mengikuti pelajaran yang dibina oleh guru menggunakan portal SLS yang dijalankan pada minggu pertama Pembelajaran di Rumah (HBL). Guru mendapati pelajar kurang memberi perhatian untuk mengikuti pengajaran yang dibina oleh guru melalui portal SLS.

Guru mengambil inisiatif untuk meneroka penggunaan laman web WIX bagi memastikan pelajar Menengah 1 NA tidak ketinggalan dalam pembelajaran penulisan e-mel tidak formal dan penulisan karangan naratif. Kumpulan pelajar tersebut, telah melalui bahan uji cuba yang disiapkan oleh pihak CPDD pada penggal pertama dan kedua. Justeru, guru kesuntukan masa untuk melaksanakan pelajaran mengenai komponen kertas 1 disebabkan keterbatasan masa. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan laman web WIX dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk menarik perhatian pelajar terhadap pembelajaran penulisan e-mel tidak rasmi dan penulisan karangan naratif.

Raimes (1983) menghuraikan beberapa kaedah penulisan. Antara pendekatan penulisan yang kerap kali digunakan kebanyakan guru ialah pendekatan bebas yang memberi ruang kepada pelajar untuk mengetengahkan isi-isi utama dalam penulisan e-mel tidak formal mahupun karangan naratif. Pendekatan ini melibatkan pelajar menggunakan bahan-bahan tambahan seperti klip video pendek yang disediakan guru, contohan penulisan dan bahan perancah yang lain untuk membantu penulisan e-mel dan karangan naratif mereka.



Berlandaskan pendekatan bebas tersebut, kajian ini menerapkan penggunaan laman web WIX untuk mempertingkatkan cara pengajaran penulisan e-mel tidak formal dan karangan naratif dalam talian secara inovatif dan kreatif. Beberapa klip video pendek tentang penerangan cara menganalisis soalan e-mel tidak formal dan melengkapkan rangka jawapan bagi soalan e-mel tidak formal diterapkan dalam laman web WIX yang digunakan dalam pengajaran. Selain itu, guru juga memuatnaikkan klip video pendek dalam laman web WIX yang dihasilkan guru sendiri untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang jalan cerita semasa menjawab soalan karangan naratif. Kaedah-kaedah tersebut memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk memahami penulisan e-mel tidak formal dan penulisan karangan naratif dengan lebih baik memandangkan kedua-dua komponen tersebut merupakan sesuatu yang baharu bagi para pelajar tersebut.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk:

1. meneliti penggunaan dan fungsi laman web WIX yang mampu dimanfaatkan pelajar semasa pembelajaran Bahasa Melayu; dan
2. mengenal pasti keberkesanan komponen-komponen lain dalam laman web WIX untuk membantu pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Perkara utama yang menjadi keprihatian guru adalah mencari wadah atau aplikasi pengajaran yang mampu membuat pelajar mengikuti dan memahami pengajaran penulisan karangan naratif dan penulisan e-mel tidak formal dengan lebih berkesan. Melalui tinjauan yang dilakukan yang melibatkan 28 orang pelajar, 57% pelajar menyifatkan pelajaran yang dibina oleh guru menggunakan portal SLS tidak mampu membantu pelajar memahami topik penulisan e-mel. Manakala 60% pelajar menyifatkan pelajaran yang dibina oleh guru menggunakan portal SLS tidak mampu membantu mereka memahami topik penulisan karangan naratif. Justeru, kajian ini berusaha



meneliti keberkesanan usaha guru menggunakan fungsi laman web WIX untuk merangsang PdP penulisan e-mel tidak formal dan penulisan karangan naratif dalam kalangan pelajar.

Para pelajar Menengah 1 ini belum pernah terdedah kepada penulisan e-mel tidak rasmi semasa di peringkat sekolah rendah. Para pelajar tersebut hanya terdedah pada penulisan cerita berdasarkan gambar bersiri dan topik di peringkat sekolah rendah. Tanpa pemahaman yang kukuh terhadap komponen dan ciri-ciri penulisan yang baharu terutamanya penulisan e-mel tidak rasmi, pelajar akan menghadapi masalah untuk menghasilkan penulisan e-mel tidak rasmi yang baik. Guru juga ingin memastikan pelajar lebih kreatif dalam penulisan naratif.

Dengan itu, kajian ini dilakukan semasa HBL berlangsung. Guru membimbing para pelajar dengan menggunakan laman web WIX dan secara langsung menerangkan setiap bahan yang tertera di laman web WIX menerusi sidang Zoom. Berbanding dengan portal SLS, guru cuba memanfaatkan laman WIX yang tidak memerlukan apa-apa kata laluan daripada pelajar untuk mengikuti PdP.

## **KAJIAN LEPAS**

Menurut Ellen M. Granberg (2010), teknologi boleh mengubah pengajaran tetapi bukan peranan seorang guru. Teknologi juga telah memudahkan perkara-perkara yang boleh diakses dalam talian bagi tujuan menyokong pembelajaran pelajar. Oleh itu, gurulah yang mampu mengubah dan meningkatkan pengajaran mereka termasuklah menerusi penggunaan teknologi. Dalam situasi yang dihadapi masa kini, guru tidak dapat lari daripada menerapkan penggunaan teknologi dalam PdP. Banyak peluang baharu yang boleh diteroka dan diraih bagi pelaksanaan PdP Bahasa Melayu yang berkesan sesuai dengan keperluan pembelajaran para pelajar masa kini.

Menurut Warda, Armeria, (2019), penggunaan media sosial seperti *Instagram* memberikan kesan yang signifikan dalam meningkatkan keupayaan menulis pelajar. Warda Armeria juga mendapati bahawa pelajar tertarik



menggunakan media sosial sebagai media pembelajaran yang menjadikan mereka teruja untuk belajar penulisan teks deskriptif. Melalui kajian tersebut, antara beberapa kesan positif yang dimaksudkan ialah kecenderungan pelajar untuk mengikuti pembelajaran dan juga melaksanakan tugas yang diberikan dengan penuh motivasi dan semangat.

Justeru, berdasarkan kajian lepas yang dinyatakan di atas, pengkaji ingin meneroka dan menilai keberkesanan fungsi laman web WIX dalam pembelajaran bahasa Melayu. Laman web WIX juga mampu melakukan perkara yang sama seperti *Instagram*, iaitu perkongsian teks, video, gambar dan audio. Oleh itu, pengkaji ingin melihat sekiranya laman web WIX mampu merangsang minat dan membantu pembelajaran pelajar-pelajar Menengah 1 aliran NA dalam komponen penulisan e-mel tidak rasmi dan karangan naratif.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini memanfaatkan laman web WIX yang direka untuk mempertingkatkan cara pengajaran penulisan naratif dan e-mel tidak formal secara inovatif. Laman web WIX mempunyai fungsi yang membolehkan pengkaji menyediakan laman web dalam bahasa Melayu lengkap dengan klip video, klip audio, penerangan tentang komponen peperiksaan atau soalan dan juga gambar-gambar agar laman web kelihatan menarik bagi para pelajar. Sejauh ini, pengkaji telah menyediakan laman web WIX yang terdiri daripada bahagian karangan naratif, karangan deskriptif, kefahaman, lisan, e-mel tidak formal dan e-mel formal. Namun kali ini, pengkaji ingin menilai fungsi-fungsi WIX yang mampu dimanfaatkan pengkaji untuk para pelajar terhadap komponen penulisan e-mel tidak formal dan karangan naratif sahaja.

### **Subjek Kajian**

Kajian dijalankan dalam bentuk eksperimental terhadap kelas Bahasa Melayu yang terdiri daripada 28 orang pelajar Menengah 1 NA. Semua pelajar tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang penulisan e-mel tidak formal dan pemahaman pelajar tentang karangan naratif amat terhad. Semasa HBL, semua pelajar dapat hadirkan diri untuk mengikuti pembelajaran e-mel tidak



formal dan karangan naratif. Malah, aplikasi Zoom memberi peluang kepada guru untuk menerangkan setiap bahan pembelajaran yang direka dan tertera di laman WIX agar pelajar tidak keliru dan mudah memahami pembelajaran.

## **Instrumen Kajian**

Akibat keterbatasan waktu, pengkaji hanya menggunakan beberapa instrumen kajian, iaitu borang maklum balas dalam pembelajaran penulisan e-mel tidak formal dan karangan naratif. Selain itu, pengkaji menggunakan instrumen eksperimental yang dilakukan semasa HBL dijalankan pada tahun ini. Memandangkan kumpulan pelajar ini terlibat dalam bahan uji coba yang dijalankan oleh pihak CPDD, pengkaji dan pelajar-pelajar hanya terlibat melalui 3 fasa semasa HBL dilaksanakan. Ketika itu, masa amat terhad dan suntuk untuk pembelajaran Bahasa Melayu.


## **Prosedur Kajian**

### Fasa 1 (HBL yang pertama melalui Zoom dan portal SLS)

Tahap pertama kajian melibatkan pelajar Menengah 1 NA yang mengikuti pembelajaran penulisan e-mel tidak formal dan karangan naratif melalui portal SLS yang berlangsung semasa HBL. Bagi setiap komponen, guru telah menyediakan video sepanjang 10 minit yang menerangkan aspek-aspek penting dalam penulisan e-mel. Pelajar kemudian diukur pemahaman mereka dengan mengisi lembaran kerja berbentuk rangka penulisan e-mel tidak formal dan rangka penulisan pendahuluan serta isi e-mel tidak formal. Langkah yang sama digunakan untuk penulisan karangan naratif yang mana pelajar juga menonton video sepanjang 10 minit mengenai aspek-aspek penting dalam penulisan karangan naratif. Pelajar mengisi jawapan bagi rangka soalan karangan naratif dan menulis pendahuluan serta isi karangan. Setelah tamat pembelajaran tersebut, pelajar melengkapkan borang maklum balas mengenai pelajaran yang dibina guru menggunakan portal SLS dalam pembelajaran penulisan e-mel tidak formal dan karangan naratif.




**Rajah 1: Penggunaan SLS Dalam Pembelajaran Penulisan E-Mel Tidak Formal**




Hanya 43% pelajar sahaja menyatakan bahawa mereka mampu memahami pelajaran e-mel tidak rasmi. Dapatan menunjukkan bahawa semasa mengikuti pembelajaran melalui portal SLS, ramai pelajar memberi alasan bahawa video yang disediakan oleh guru dalam portal SLS terlalu lama dan tidak merangsang minat mereka. Dalam hal ini, guru perlu bijak menyediakan klip video yang tidak terlalu panjang untuk digunakan dalam PdP. Rajah 2 menunjukkan respons pelajar mengenai minat mereka terhadap pelajaran yang dilalui menggunakan portal SLS.

**Rajah 2: Minat Pelajar Terhadap Pelajaran Penulisan E-mel Tidak Formal Melalui Portal SLS**



60.7% pelajar mengakui bahawa pelajaran yang dibina guru dalam portal SLS tidak mampu merangsang minat mereka untuk mempelajari penulisan e-mel dengan baik. Rajah 3 pula merupakan respons pelajar terhadap pembelajaran penulisan naratif menggunakan portal SLS. Melalui Rajah 3 di bawah, terdapat 53.6% pelajar mengakui bahawa portal SLS tidak mampu memupuk minat mereka untuk memahami penulisan karangan naratif yang merupakan suatu jenis penulisan yang berbeza daripada penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri yang mereka pelajari semasa di sekolah rendah.


**Rajah 3: Minat Pelajar Terhadap Pengajaran Penulisan Karangan Naratif Melalui Portal SLS**



Namun begitu, 46.4% pelajar menyifatkan bahan pengajaran penulisan karangan naratif yang dibina oleh guru dalam portal SLS membosankan. Pelajar juga merasakan bahawa klip video yang ditayangkan mengandungi penjelasan yang terlalu panjang dan pelajar mempunyai kepayahan untuk memahaminya. Justeru, penggunaan klip video yang jelas dan menarik serta mudah difahami amat penting dalam PdP. Rajah 4 menunjukkan bahawa terdapat 60.7% pelajar tidak bersetuju bahawa mereka memahami topik penulisan karangan naratif melalui pelajaran yang dibina oleh guru dalam portal SLS.



**Rajah 4: Penilaian Pelajar Bagi Penggunaan SLS Dalam Penulisan Karangan Naratif**



Walaupun penggunaan portal SLS dalam pelaksanaan PdP bagi pelajaran penulisan e-mel tidak rasmi dan karangan naratif tidak memberangsangkan pembelajaran pelajar, guru ingin melakukan inovasi bagi meningkatkan minat dan merangsang keterujaan dalam pembelajaran pelajar. Dalam pelajaran fasa kedua, guru telah menggunakan laman web WIX bagi pelaksanaan PdP.

Fasa 2 (Pengajaran Penulisan E-mel Semasa HBL yang Kedua Selama Satu Waktu Pengajaran)

Berdasarkan pengalaman melaksanakan PdP menggunakan portal SLS, guru menyusun semula bahan-bahan pengajaran menggunakan laman web Wix termasuk bahan-bahan pelajaran seperti klip video, gambar, rajah dan penjelasan mudah untuk memudahkan pemahaman pelajar. Contohnya, gambar di bawah menerangkan 2 klip video yang tertera di halaman utama e-mel tidak rasmi. Klip video pertama menjelaskan cara-cara pelajar menganalisis soalan e-mel tidak rasmi manakala klip video kedua pula menjelaskan cara-cara menulis rangka e-mel tidak rasmi.



Rajah 5: Klip Video Tentang Pembedahan Soalan E-mel



Melalui klip video di atas, pelajar dibimbing untuk menggariskan frasa atau perkataan penting dalam soalan. Selain itu, pelajar juga dibimbing untuk mengenal pasti kehendak soalan yang perlu dijawab. Semasa menonton, pelajar mengikuti perkara-perkara yang dijelaskan dalam klip video dan lembaran kerja yang telah disediakan guru.

Rajah 6: Klip Video Tentang Penyediaan Rangka E-mel



Klip video di atas memerlukan pelajar untuk mengisi rangka e-mel dalam lembaran kerja yang diberikan. Melalui rangka yang diisi, pelajar dapat memahami cara-cara menulis pendahuluan e-mel dan juga isi e-mel yang diperlukan untuk memenuhi kehendak soalan.

### Fasa 3 (Pengajaran Penulisan Karangan Naratif Semasa HBL yang Kedua Selama Satu Waktu Pengajaran)

Bagi pengajaran penulisan karangan naratif pula, guru memanfaatkan aplikasi Zoom dan secara langsung berkongsi skrin laman web WIX yang direka bersama para pelajar. Guru juga meletakkan klip video yang mengandungi jalan cerita berdasarkan soalan karangan naratif yang ingin dijawab oleh pelajar. Klip video tersebut diletakkan di laman web WIX agar para pelajar mendapat gambaran yang jelas untuk menghasilkan jalan cerita yang menjawab tuntutan soalan.


#### **Rajah 7: Klip Video Pendek Karangan Naratif**



Seterusnya, guru akan berbincang bersama para pelajar mengenai kata kunci dalam soalan dan bagaimana menjawab kehendak soalan berdasarkan panduan yang diberikan dalam klip video yang ditonton. Para pelajar juga diperlukan untuk mencungkil babak penting dalam klip dan kemudian bersama-sama mengisi rangka karangan seperti yang tertera di bawah.



## Rajah 8: Rangka Karangan Naratif Yang Dihasilkan Bersama Pelajar




Setelah itu, guru membimbing para pelajar menulis perenggan 1 sahaja. Untuk perenggan 2 hingga perenggan 5 karangan, pelajar diminta untuk menulis secara individu. Rangka yang dihasilkan juga digunakan sebagai panduan untuk para pelajar menulis perenggan 2 hingga perenggan 5. Guru juga memberi peringatan kepada pelajar untuk membandingkan penulisan mereka dengan penulisan guru pada tarikh yang ditetapkan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Meneliti penggunaan dan fungsi laman web WIX

Dapatan kajian ini akan menerangkan fungsi laman web WIX untuk memanfaatkan pembelajaran Bahasa Melayu khususnya pengajaran penulisan karangan naratif dan penulisan e-mel tidak rasmi. Hasil dapatan daripada borang maklum balas yang dilakukan pelajar boleh dilihat di Rajah 9 yang diraih selepas kajian dijalankan. Dalam tinjauan tersebut, pelajar memberi maklum balas mengenai pemahaman mereka terhadap topik penulisan e-mel tidak formal melalui wadah laman web WIX.

**Rajah 9: Penggunaan WIX Dalam Pembelajaran Penulisan E-Mel Tidak Formal**




80% peratus pelajar menyatakan pembelajaran penulisan e-mel tidak formal melalui laman web WIX membantu mereka memahami topik tersebut. Dapatan ini menunjukkan peningkatan pelajar yang memahami pembelajaran penulisan e-mel sebanyak 37.1% setelah dibandingkan dengan hasil dapatan Rajah 1 yang mana hanya 42.9% pelajar memahami pembelajaran penulisan e-mel tidak formal melalui portal SLS. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa fungsi laman web WIX yang mampu menyertakan klip video pendek membantu pelajar untuk meneliti pembelajaran dengan lebih teliti. Pelajar dapat menonton klip video yang tertera di laman web WIX beberapa kali untuk memastikan pelajar betul-betul memahami topik tersebut. Menerusi laman web WIX, tiada had masa yang diberikan kepada pelajar untuk mengikuti sesuatu topik manakala bahan pengajaran dalam portal SLS mempunyai had masa yang ditentukan.

Namun begitu, dapatan yang dijelaskan di atas tidak mencerminkan tahap pemahaman yang positif dalam kalangan pelajar yang mengikuti pembelajaran penulisan karangan naratif. Hasil dapatan boleh dilihat melalui Rajah 10 di bawah ini.



**Rajah 10: Pembelajaran WIX Dalam Penulisan Karangan Naratif**



Terdapat 53.3% pelajar sahaja yang memahami topik penulisan karangan naratif melalui penggunaan laman web WIX. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa, walaupun fungsi laman web WIX membolehkan guru menayangkan klip video berkenaan soalan naratif, menyediakan rangka karangan dan menaip beberapa perenggan karangan, bilangan pelajar yang sukar memahami topik tersebut masih tinggi.

Pengkaji dapati bahawa, pelajar masih tidak memahami cara menulis perenggan isi karangan naratif walaupun guru telah membincangkan dan menunjukkan cara-cara menulis perenggan pertama dan kedua soalan karangan naratif. Melalui tinjauan bersama pelajar-pelajar terlibat, pengkaji juga dapati bahawa pelajar-pelajar masih berasa kekok menulis karangan tanpa gambar sebagai panduan. Pada masa yang sama, pelajar juga menyatakan bahawa bagi topik yang berat seperti penulisan karangan naratif, masa diperuntukkan tidak mencukupi dan pembelajaran dilakukan amat kelam-kabut. Justeru, pengkaji kurang berjaya memanfaatkan fungsi dalam laman web WIX sepenuhnya seperti fungsi meletakkan gambar dalam laman web WIX dan membahagikan masa yang cukup untuk memahami topik tersebut dengan lebih baik. Jika fungsi tersebut digunakan, pengkaji boleh meletakkan gambar yang sesuai di setiap petak yang tertera di rangka karangan naratif yang dibincangkan bersama pelajar-pelajar. Selain itu, pengkaji juga akan memperuntukkan satu pembelajaran yang khusus untuk penulisan perenggan isi bagi karangan naratif. Jika langkah-langkah tersebut diambil kira, lebih ramai pelajar dijangka akan lebih memahami topik penulisan karangan naratif.

## Meneliti komponen-komponen Laman web WIX untuk membantu pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar

Salah satu komponen laman web WIX yang memudahkan pelajar-pelajar untuk mengutarakan soalan kepada guru ialah bahagian 'Hubungi Guru'. Pelajar mampu bertanya soalan kepada guru mengenai topik-topik yang dipelajari di laman web WIX. Guru pula dapat menjawab soalan yang diterima melalui laman web WIX yang dimuat turunkan dalam telefon bijak dan secara tidak langsung mengenal pasti bahagian-bahagian pembelajaran yang masih menjadi kekeliruan dalam kalangan pelajar. Balasan guru yang menjawab kekeliruan pelajar pula akan dihantar terus ke alamat e-mel pelajar agar pelajar yang bertanya dapat membaca mesej yang dihantar guru.

Akhir sekali, laman web WIX mudah diakses tanpa apa-apa kata log masuk berbanding penggunaan akaun portal SLS. Pelajar hanya memerlukan alamat laman WIX guru dan boleh melihatnya dengan telefon bijak. Cara ini membolehkan pelajar-pelajar untuk mengulangkaji komponen-komponen peperiksaan yang juga tertera di laman web WIX guru dengan mudah.

Pengkaji juga dapati bahawa laman web WIX yang direka mampu menghasilkan data untuk melihat jumlah pengunjung di laman tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa, jumlah pengunjung melonjak pada bulan yang memerlukan pelajar menduduki peperiksaan akhir tahun, iaitu pada bulan Ogos. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa laman web WIX boleh direka untuk menjadi platform yang mudah untuk para pelajar mengulang kaji bahasa Melayu.

## **KESIMPULAN**

Melalui kajian, laman web WIX mempunyai potensi untuk digunakan oleh guru Bahasa Melayu bagi tujuan pelaksanaan PdP yang berkesan. Laman web WIX mempunyai fungsi-fungsi yang boleh dimanfaatkan para pendidik untuk memudahkan para pelajar mempelajari dan mengulangkaji Bahasa Melayu. Namun, bahan pengajaran harus disusun dengan rapi agar fungsi-fungsi WIX dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar. Lebih-lebih lagi,



laman WIX boleh diakses dengan mudah melalui telefon bijak dan ini memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk menggunakan laman web WIX. Guru-guru juga boleh membantu pelajar belajar dan mengulang kaji dalam mata pelajaran tersebut. Oleh itu pengkaji mengharapkan bahawa laman web WIX dimanfaatkan para pendidik supaya dapat merangsang minat para pelajar mengikuti pembelajaran bahasa Melayu lebih-lebih lagi pada saat-saat HBL dikendalikan.

## RUJUKAN

Ellen M. Granberg (2010). Fall 2000, 'How Technology Enhances Teaching and Learning'. Sebuah artikel yang Diterbitkan dalam CFT's newsletter, *Teaching Forum*. Dipetik dari: <https://cft.vanderbilt.edu/articles-and-essays/the-teaching-forum/how-technology-enhances-teaching-and-learning/> (02 Jan 2020, 12.30 petang)

Gaviani, W., & Wijaya, A. (2019). The Effectiveness of Teaching Writing Descriptive Text by Using Social Media "Instagram" to Improve Students' Writing Ability at Junior High School Students . 20.

Raimes, Ann (1983). *Techniques in Teaching Writing*. USA: Oxford University Press